

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : SENATOR DATUK WIRA KOH NAI KWONG

TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan kadar kemalangan atau kecelakaan yang berpunca daripada penggunaan kenderaan berkuasa bahan api gas asli mampat (NGV) sehingga menyebabkan pemberhentian penggunaan kenderaan tersebut dan bagaimanakah Kementerian akan memudahkan cara pemilik kenderaan berkenaan menerusi program Bantuan Peralihan NGV yang dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mesyuarat Jemaah Menteri pada **2 Oktober 2024** telah memutuskan bahawa mana-mana kenderaan motor yang dikuasakan dengan bahan api NGV tidak lagi dibenarkan untuk didaftar atau dilesenkan bagi kegunaan di atas jalan raya mulai **1 Julai 2025**. Keputusan untuk menghentikan penggunaan kenderaan NGV ini adalah atas dasar keselamatan kepada orang ramai susulan kepada beberapa insiden yang berpunca daripada kekurangan pengetahuan tentang keselamatan dan risiko penggunaan kenderaan NGV. Di sepanjang tempoh 2008 hingga 2022, lebih 5 kes kemalangan serius telah dilaporkan akibat kegagalan fungsi NGV di dalam kenderaan sehingga ada antaranya menyebabkan kehilangan nyawa, dan terbaru pada 28 November 2024 yang lepas, satu kemalangan telah berlaku di Jasin, Melaka, di mana tiga orang telah meninggal dunia kerana teksi NGV telah melanggar satu tembok jambatan sehingga menyebabkan kebocoran tangki NGV meletup dan mengakibatkan kematian.

2. Berdasarkan rekod, tempoh kemuncak bagi pengubahsuaian dan pemasangan kit kenderaan NGV adalah di antara tahun 1995 sehingga 2014. Tempoh ini memberi indikasi bahawa keseluruhan kenderaan NGV pada hari ini telah berada dalam fasa akhir hayat tangki NGV dan perlu diganti. Tangki-tangki NGV di dalam kenderaan sebenarnya mempunyai had tempoh penggunaan selamat dalam lingkungan **15 tahun** sahaja, dan sekiranya tidak diganti, ianya tidak selamat digunakan dan boleh gagal berfungsi pada bila-bila masa.

3. Kementerian Pengangkutan dan PETRONAS NGV Sdn Bhd (PNGV) amat mengambil berat dan komited bagi memastikan tahap keselamatan orang ramai sentiasa terjamin. Hal ini kerana sebarang kemalangan yang berlaku, tidak kira sama ada melibatkan kematian, kecederaan atau kerosakan harta benda, akan memberi impak negatif yang amat besar bukan sahaja kepada mangsa, tetapi juga kepada pihak Kerajaan kerana tidak mengambil langkah intervensi lebih awal walaupun

telah menyedari akan risiko-risiko keselamatan susulan kepada penggunaan berterusan kenderaan NGV.

4. Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan dan Petronas NGV Sdn Bhd (PNGV) telah menyediakan **Program Bantuan Peralihan Kenderaan NGV** kepada kumpulan sasaran yang terjejas untuk mengurangkan impak langsung terutamanya dari sudut kesinambungan kehidupan dan implikasi kewangan yang akan ditanggung oleh pemilik kenderaan NGV. Secara ringkasnya, Program Bantuan Peralihan ini terdiri daripada tiga pakej iaitu:

- (i) Pertama – pakej bantuan peralihan kepada pemandu teksi NGV yang layak. Bantuan ini akan diberikan dalam bentuk e-baucar sebanyak RM3,000 melalui aplikasi Setel secara *one-off*;
- (ii) Kedua, pakej menanggalkan kit NGV terutamanya tangki daripada kenderaan yang telah diubah suai (dwi-bahan api), termasuk teksi NGV. Semua kos akan ditanggung sepenuhnya dan hanya boleh dilaksanakan di bengkel yang berdaftar sahaja; dan
- (iii) Ketiga, pakej bantuan peralihan bagi kenderaan bahan api tunggal NGV menawarkan pembayaran secara *one-off* kepada pemilik kenderaan yang layak, berdasarkan nilai semasa kenderaan yang akan ditentukan oleh wakil penilai bebas.

5. Kementerian Pengangkutan bersama Petronas NGV Sdn Bhd (PNGV) sentiasa terbuka kepada sebarang permohonan dan cadangan penambahbaikan serta terus komited untuk menangani apa-apa sahaja isu berbangkit secara bertanggungjawab dan menyeluruh, susulan kepada penamatan penggunaan kenderaan NGV, demi memastikan keselamatan orang ramai dan peralihan yang efektif bagi semua pihak yang terlibat.

Sekian, terima kasih.